

CNS8640

U GB 29-05 00187 BA991

BAH

Mahathir - Halangan

KURANGKAN HALANGAN BIROKRATIK UNTUK KEMAJUAN BERTERUSAN, KATA PM

LANGKAWI, 29 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan hari ini bahawa Malaysia kini membangun dengan pesat kerana kerajaan sedia bekerjasama dengan pihak swasta dengan mengurangkan halangan birokratik.

"Saya ingin tegaskan (bahawa) kalau hari ini kita dapati Malaysia dapat dibangunkan dengan pesatnya, sebabnya bukan kerana dahulu tidak boleh berlaku ataupun tidak ada minat oleh pihak swasta untuk membangunkan negara tetapi mereka dirintangi dengan bermacam-macam halangan birokratik.

"Dan di sini (halangan) birokratik ini, kadang-kadang termasuk juga oleh kerajaan-kerajaan pilihan rakyat," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di sini sebelum pulang ke Kuala Lumpur setelah mengadakan lawatan dua hari ke sini.

Perdana Menteri berkata demikian semasa diminta memperjelaskan lagi saranan beliau kepada pihak-pihak berkuasa yang berkenaan semalam supaya bersikap positif dan memberikan kerjasama kepada para pemaju supaya projek pembangunan dapat dilaksanakan dengan berkesan tanpa sebarang halangan.

Beliau membuat saranan itu dalam ucapannya merasmikan pelancaran projek perkampungan marina, Port Langkasuka, sebuah resort berharga RM1,000 juta di Kuala Muda di sini, semalam. -- Lagi.

▼29/05/17-26MST

U GB 29-05 00169 BA992

BAH

Mahathir - Halangan 2 Langkawi

Dr Mahathir memberitahu pemberita hari ini bahawa pihak berkuasa yang berkenaan kadang-kadang tidak mahu meluluskan sesuatu projek bukan kerana projek itu itu tidak boleh diluluskan tetapi kerana sebab-sebab lain.

"Jadi ini yang menyebabkan begitu susah hendak bangunkan Malaysia, tetapi apabila kerajaan mengambil sikap untuk bekerjasama dengan pihak swasta kita dapati pembangunan negara menjadi pesat, rakyat mendapat banyak nikmat dan dunia sekarang ini kagum dengan pembangunan Malaysia yang pesat.

"Saya yakin kalau kita masih lagi berpegang kepada cara-cara lama yang apabila kita berkuasa sedikit, maka kita hendak pergunakan, hendak tunjuk kuasa kita, sebaliknya kita tidak begitu ambil berat tentang kebaikan bagi negara. Ini yang menyebabkan dulu sukar bagi kita hendak bangunkan Malaysia," katanya.

Katanya, tidak ada perbezaan keadaan dahulu dan sekarang kecuali sikap yang berbeza.

"Kerajaan Pusat menetapkan dasar untuk mengadakan Persyarikatan Malaysia dan kita tidak hendak ganggu atau halang orang semata-mata kerana hendak menunjuk kita berkuasa tetapi sebaliknya kita bersikap positif. -- Lagi.

▼29/05/17-28MST

BAH

Mahathir - Halangan 3 (Akhir) Langkawi

"Kalau kita fikir sesuatu itu baik, kalau ada silap, kita perbetulkan supaya projek-projek mudah dilaksanakan," katanya.

Mengenai kemungkinan para pegawai bersikap demikian kerana mereka terpaksa akur kepada arahan pihak yang tertentu, beliau berkata: "pihak yang tertentu" itu sepatutnya tidak perlulah mengeluarkan arahan-arahan yang sedemikian.

"Semuanya sepatutnya ada satu sikap sahaja iaitu bagaimana hendak menentukan Malaysia membangun dengan pesat supaya menjadi contoh kepada dunia bahawa kita tahu mentadbir negara kita.

"Kalau dulu orang menganggap kita tidak mampu hendak mentadbir negara sendiri (dan beranggapan kononnya) apabila kita merdeka tetap akan merosot prestasi ekonomi kita, sekarang kita telah buktikan bahawa kita boleh mentadbirkan negara kita ini dengan lebih cekap lagi," katanya.

Beliau berkata, Malaysia boleh mencapai kemajuan yang lebih pesat jika semua pihak menerima konsep Persyarikatan Malaysia dan semua pihak berusaha untuk memajukan negara serta tidak terlalu memandangkan kepada kedudukan dan lain-lain. -- Bernama.

KHY KAM.

▼29/05/17-29MST